

Newspaper

Berita Harian

Date

25 February 2016



Najib diiringi Kurup (kiri) bersalaman dengan wakil ketua agama pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama di Putrajaya, semalam.

(FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH)

Tingkat keharmonian antara agama: Najib

» Jawatankuasa ditubuh cari penyelesaian jika wujud konflik

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama ditubuhkan sebagai mekanisme yang berperanan meningkatkan persefahaman dan keharmonian serta mencari penyelesaian sekiranya wujud konflik antara penganut pelbagai agama di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Razak, berkata usaha membina negara bangsa yang harmoni perlu dilakukan secara bersama, kerjasama yang terancang dan bersepadu bagi mengukuhkan lagi integrasi nasional.

"Sebagai sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya sudah tentu amat penting bagi kita untuk mewujudkan mekanisme tertentu yang boleh meningkatkan persefahaman di antara pelbagai golongan di negara kita yang mewakili setiap kepercayaan."

"Kejayaan Malaysia sejak merdeka pada umumnya kita melalui detik dalam perjalanan membina sebuah negara bangsa dengan jayanya, tidak berlaku konflik yang boleh meruntuhkan negara tercinta ini."

Usaha berterusan

"Namun, usaha ini tidak boleh dihentikan atau terhenti ke-

rana proses membina negara bangsa menjangkau tempoh masa lama, malah ia adalah perjalanan berterusan, termasuk dalam usaha memperkuatkan teras kepelbagaian kepercayaan dan kaum di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), I Gandesan dan Pengerusi jawatankuasa berkenaan, Datuk Azman Amin Hassan.

Seramai 32 individu terdiri daripada wakil ketua penganut agama dan pertubuhan

bukan kerajaan (NGO) serta pensyarah menerima watikah pelantikan berkenaan yang berkuat kuasa 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2017.

Empat elemen utama

Perdana Menteri berkata, bagi menjadi masyarakat yang bersatu padu, saling menghormati dan mempunyai rasa kebersamaan, empat elemen perlu diberi perhatian oleh rakyat, termasuk melihat kembali kepada Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam adalah agama Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

"Kedua, rakyat perlu patuh kepada undang-undang negara, seterusnya kita mesti cari apa falsafah nasional dan generasi terdahulu sudah bersejua Rukun Negara sebagai falsafah nasional.

"Kita harus mencari apa nilai murni yang menyatukan semua komuniti dan kepercayaan dalam negara... antaranya termasuklah kesederhanaan, saling menghormati, bekerjasama, tolak ansur serta bersama mencari penyelesaian dan bukan mewujudkan masalah," katanya.